

MAHATHIR - DAFTAR

KUALA LUMPUR, 7 JULAI (BERNAMA) -- UMNO MENDAPATI BEBERAPA NAMA ANGGOTANYA TELAH TERKELUAR DARIPADA SENARAI DAFTAR PEMILIH, DAN PARTI ITU AKAN MENGHUBUNGI SURUHANJAYA PILIHARAYA (SPR) UNTUK MENGATASINYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KATANYA, TERDAPAT JUGA KES NAMA ANGGOTA UMNO DIPINDAHKAN DARIPADA SATU KAWASAN KE KAWASAN YANG LAIN.

SEMUA INI AKAN DILAPORKAN KEPADA SPR UNTUK DIPERBETULKAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO SELAMA LEBIH TIGA JAM DI IBU PEJABAT UMNO DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, SEBAHAGIAN DARIPADA DAFTAR PEMILIH YANG DIPAMERKAN DI BEBERAPA TEMPAT PAMERAN OLEH SPR JUGA DIDAPATI HILANG MENYEBABKAN PEMILIH-PEMILIH TIDAK DAPAT MEMBUAT SEMAKAN.

SPR KINI SEDANG MEMPAMERKAN ENARAI NAMA PEMILIH DI TEMPAT-TEMPAT PAMERAN YANG DITETAPKAN DI SEMENANJUNG DAN SARAWAK SEJAK 26 JUN HINGGA 10 JULAI INI BAGI MEMUDAHKAN PARA PEMILIH MENYEMAK NAMA MEREKA. PAMERAN SERUPA JUGA AKAN DIJALANKAN DI SABAH MULAI 18 HINGGA 31 JULAI. -- LAGI

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU DUKACITA DI ATAS KEHILANGAN SENARAI DAFTAR PEMILIH ITU, YANG DILAKUKAN OLEH MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU.

+KITA AKAN MENGHUBUNGI SPR UNTUK MEMBERI GANTIAN DAFTAR-DAFTAR INI. MALANGNYA KITA CUMA ADA TIGA HARI SAHAJA LAGI UNTUK MENYEMAK DAFTAR PEMILIH,+ KATANYA.

KETIKA DITANYA MENGENAI PEMULIHAN HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA INDONESIA DAN CHINA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MENYAMBUT BAIK PEMULIHAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ITU.

KATANYA, ALIRAN SEKARANG IALAH KE ARAH MEMULIHKAN HUBUNGAN DENGAN SEMUA PIHAK.

AKHBAR SEMALAM MELAPORKAN BAHAWA KEPUTUSAN KEDUA-DUA NEGARA ITU UNTUK MEMULIHKAN HUBUNGAN SECARA RASMI PADA 8 OGOS INI DIUMUMKAN DI BEIJING SELASA LEPAS, IAITU SEHARI SELEPAS PERBINCANGAN DUA HARI ANTARA MENTERI LUAR INDONESIA, ALI ALATAS DAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI CHINA, QIAN QICHAN. -- LAGI  
1635MST 07 07 90

D313

R B161 AAB  
MAHATHIR - DAFTAR 3 KUALA LUMPUR

LAPORAN ITU JUGA MENYEBUT PERDANA MENTERI CHINA, LI PENG AKAN MELAWAT INDONESIA PADA 6 OGOS INI UNTUK MENANDAKAN PEMULIHAN HUBUNGAN ITU.

+DUNIA SEKARANG SEDANG MENUJU KE ARAH ERA KEAMANAN DAN KITA MENYAMBUT BAIK KEWUJUDAN HUBUNGAN ANTARA MANA-MANA NEGARA-NEGARA,+ KATANYA.

MENGENAI PENGGUNAAN KEMUDAHAN KETENTERAAN DI SINGAPURA OLEH AMERIKA SYARIKAT, BELIAU BERKATA, MALAYSIA KHUATIR SEKIRANYA TENTERA AMERIKA SYARIKAT DITEMPATKAN SECARA TETAP DI SANA SEPERTIMANA YANG BERLAKU DI FILIPINA.

+KALAU MEREKA HENDAK MENGGUNAKAN KEMUDAHAN YANG ADA DI SINGAPURA, ITU ADALAH ANTARA SINGAPURA DAN AMERIKA SYARIKAT,+ KATANYA. -- BERNAMA  
1636MST 07 07 90